

17 FEB 1997

PERDANA MENTERI TIBA DI KOTA KINABALU

KOTA KINABALU, 17 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba dengan pesawat khas di sini pukul 5.10 petang ini bagi memulakan lawatan dua hari ke sini.

Antara yang menyambut ketibaannya ialah Ketua Menteri Datuk Yong Teck Lee, Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi Datuk Osu Sukam, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Chong Kah Kiat, barisan kabinet negeri serta pegawai Persekutuan dan negeri.

Dr Mahathir lalu berlepas ke hotel penginapannya dan kemudian dihadiahkan seekor kuda jantan bernama "Farahz" berumur tiga setengah tahun oleh Persatuan Polo Sabah pada majlis ringkas dekat hotel itu.

Perdana Menteri dijadualkan mengunjungi Yang Dipertua Negeri Tun Sakaran Dandai di Istana Negeri sebelum menghadiri sambutan perayaan Tahun Baru Cina dan Hari Raya Aidilfitri di Pusat Perdagangan Sabah di sini malam ini.

Majlis itu dijangka dihadiri 7,000 orang.

Esok, Perdana Menteri dijadual menghadiri perjumpaan dengan Badan Perhubungan Umno Negeri, dan sejurus selepas itu dengan pemimpin-pemimpin bukan Islam Sabah.

Beliau kemudian akan melancarkan Le Tour de Langkawi 1997, kejohanan lumba basikal terkemuka di Asia pada tengah hari sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur pada sebelah petang. -- BERNAMA

KG NMO